



**MSIG**

**MSIG Insurance (Malaysia) Bhd**  
Registration No. 197901002705(46983-W)  
Head Office: Customer Service Centre, Level 15, Menara Hap Seng 2,  
Plaza Hap Seng, No. 1, Jalan P. Ramlee, 50250 Kuala Lumpur  
Tel +603 20508228, Fax +603 20268086, Customer Service Hotline 1800 88 MSIG (6744)  
[www.msig.com.my](http://www.msig.com.my)  
A Member of **MS&AD INSURANCE GROUP**

## INSURANS KARGO MARIN

### Helaian Pendedahan Produk

(*Sila baca Helaian Pendedahan Produk ini sebelum anda membuat keputusan untuk mengambil Insurans Kargo Marin. Pastikan juga anda membaca terma-terma dan syarat-syarat am.*)

#### 1. Apakah keterangan tentang produk ini?

Polisi Kargo Marin melindungi barang di dalam perjalanan melalui jalan laut, udara atau darat daripada kerugian atau kerosakan yang disebabkan oleh pelbagai peril.

#### 2. Apakah perlindungan / manfaat yang disediakan?

Polisi ini melindungi kargo semasa di dalam perjalanan dan ini termasuk penyimpanan semasa proses perjalanan yang biasa. Kesemua ini adalah tertakluk kepada terma-terma Fasal Institut Kargo. Fasal-fasal yang paling biasa digunakan adalah:

##### Fasal Institut Kargo (A) atau Fasal Institut Kargo (Udara)

- Melindungi semua risiko kerugian atau kerosakan kepada barang.

##### Fasal Institut Kargo (B)

- Melindungi kerugian atau kerosakan yang disebabkan oleh peril berikut :-
  - a. kebakaran atau letupan
  - b. kapal atau kapal kecil yang terdampar, terkandas, tenggelam atau terbalik
  - c. kenderaan darat terbalik atau tergelincir
  - d. perlanggaran atau tersentuh dengan kapal, kapal kecil atau pengangkutan dengan apa-apa objek luaran selain daripada air.
  - e. pemunggahan barang di pelabuhan kecemasan
  - f. gempa bumi, kilat dan letusan gunung berapi
  - g. pengorbanan Purata Am
  - h. pembuangan atau hanyutan dari kapal ke dalam laut.
  - i. kemasukan air laut, tasik atau sungai ke dalam kapal atau tempat simpanan barang
  - j. bungkusan yang hilang sama sekali dari kapal atau tercicir ketika pemunggahan masuk atau pemunggahan keluar dari kapal atau kapal kecil

##### Fasal Institut Kargo (C)

- Melindungi peril berikut yang dinamakan:-
  - a. kebakaran atau letupan
  - b. kapal atau kapal kecil yang terdampar, terkandas, tenggelam atau terbalik
  - c. kenderaan darat terbalik atau tergelincir
  - d. perlanggaran atau tersentuh dengan kapal, kapal kecil atau pengangkutan dengan apa-apa objek luaran selain daripada air.
  - e. pemunggahan barang di pelabuhan kecemasan
  - f. pengorbanan Purata Am
  - g. pembuangan dari kapal ke dalam laut

##### Pengecualian

Pengecualian berikut adalah biasa untuk semua Fasal Institut Kargo

- a. salahlaku yang disengajakan oleh Pihak Yang Diinsuranskan.
- b. kebocoran biasa atau pengurangan berat atau isipadu atau kehausan dan kelusuhan barang yang diinsuranskan.
- c. kekurangan atau ketidaksesuaian pembungkusan atau penyediaan barang.  
-Pengecualian ini hanya akan dikenakan jika barang-barang pembungkusan atau penyediaan yang dilakukan oleh Pihak Yang Diinsuranskan atau pekerja-pekerja mereka atau telah dilakukan sebelum pemasangan risiko tersebut



# MSIG

**MSIG Insurance (Malaysia) Bhd**  
Registration No. 197901002705(46983-W)  
Head Office: Customer Service Centre, Level 15, Menara Hap Seng 2,  
Plaza Hap Seng, No. 1, Jalan P. Ramlee, 50250 Kuala Lumpur  
Tel +603 20508228, Fax +603 20268086, Customer Service Hotline 1800 88 MSIG (6744)  
[www.msig.com.my](http://www.msig.com.my)  
A Member of **MS&AD INSURANCE GROUP**

- d. kerosakan sedia ada atau keadaan semula jadi pada barang.
- e. kelewatan meskipun kelewatan disebabkan oleh suatu risiko yang telah diinsuranskan keatasnya
- f. ketidakmampuan membayar atau kemungkiran kewangan oleh pemilik kapal/pengurus/penyewa/pengendali kapal
  - Pegecualian ini akan dikenakan jika Pihak Yang Diinsuranskan menyedari tentang keadaan kewangan yang boleh menghalang pelayaran.
- g. risiko radioaktif atau nuklear
- h. ketaklakayaklayaran kapal atau kapal kecil jika Pihak Yang Diinsuranskan sedar pada masa pemunggahan
- i. perperangan atau perang saudara
- j. penangkapan, perampasan atau penahanan
- k. periuk api terbiar torpedo bom atau lain-lain senjata perperangan
- l. rusuhan
- m. keganasan

*Nota: Senarai ini tidak menyeluruh. Sila rujuk kepada Kontrak Polisi untuk termaterma dan syarat-syarat di dalam Polisi ini.*

Manfaat-manfaat yang dibayar di bawah produk yang layak adalah dilindungi oleh PIDM sehingga had perlindungan. Sila rujuk Brosur Sistem Perlindungan Manfaat Takaful dan Insurans PIDM atau hubungi MSIG Insurance (Malaysia) Bhd atau PIDM (layari [www.pidm.gov.my](http://www.pidm.gov.my)).

### **3. Apakah tempoh perlindungan?**

Perlindungan bermula apabila barang mula-mula berpindah di gudang atau di tempat penyimpanan untuk tujuan muatan serta-merta ke dalam atau kepada kenderaan yang dibawa atau kenderaan lain untuk memulakan transit dan berterusan semasa transit biasa dan akan tamat padaselesai pemunggahan dari kenderaan yang dibawa atau kenderaan lain di dalam atau di gudang akhir atau tempat penyimpanan di destinasi yang dinamakan dalam kontrak insurans. Suatu polisi kargo standard membenarkan maksimum 60 hari atau 30 hari jika melalui udara untuk sampai ke destinasi terakhir jika terdapat perjalanan seterusnya dari tempat pemunggahan di pelabuhan/lapangan terbang

#### **Fasal Lanjutan/Khas**

##### **Fasal Institut Perang (Kargo)/(Kargo Udara)**

Melindungi kerugian atau kerosakan akibat peril perang semasa kargo berada di laut atau di udara. Pengecualian adalah sama seperti Fasal Kargo dengan pengecualian tambahan mengenai kegagalan pelayaran (iaitu tiada tuntutan akan dibayar jika kargo tidak boleh diserahkan atau dihantar disebabkan perperangan).

##### **Fasal Institut Mogok (Kargo)/(Kargo Udara)**

Melindungi kerugian atau kerosakan yang disebabkan oleh pemogok, perusuhan, pengganas atau orang yang bermotifkan politik. Pengecualian adalah sama seperti Fasal Perang tetapi terdapat pengecualian tambahan mengenai kekurangan atau tindakan menyekat buruh (i.e. tiada tuntutan akan dibayar jika kargo tidak dapat diserahkan atau dihantar kerana perperangan). Tempoh perlindungan adalah sama seperti Fasal Kargo

### **4. Berapakah premium yang perlu saya bayar?**

Premium yang anda perlu bayar mungkin berbeza berdasarkan huraihan barang, cara pembungkusan, kapal yang diguna, sejarah tuntutan, destinasi, amaun yang diinsuranskan. Kadar premium digunakan kepada nilai yang diinsuranskan.

### **5. Apakah yuran dan bayaran yang perlu saya bayar?**

- Komisen dibayar kepada penasihat insurans (jika ada), maksimum yang dibenarkan adalah 15% daripada premium kasar.
- Duti Setem RM10/- setiap policy.



# MSIG

**MSIG Insurance (Malaysia) Bhd**  
Registration No. 197901002705(46983-W)  
Head Office: Customer Service Centre, Level 15, Menara Hap Seng 2,  
Plaza Hap Seng, No. 1, Jalan P. Ramlee, 50250 Kuala Lumpur  
Tel +603 2050 8228, Fax +603 2026 8086, Customer Service Hotline 1800 88 MSIG (6744)  
[www.msig.com.my](http://www.msig.com.my)  
A Member of **MS&AD INSURANCE GROUP**

## Fasal Cukai

Anda dikehendaki membayar sebarang cukai berkaitan (termasuk tetapi tidak terhad Kepada cukai perkhidmatan dan duti setem) yang dikenakan oleh Penguatkuasa Cukai Malaysia berhubung polisi ini

## 6. Apakah antara terma-terma dan syarat-syarat utama yang perlu saya ketahui?

- Kewajipan Pendedahan: Ia adalah kewajipan Pencadang untuk mendedahkan kepada MSIG Insurance (Malaysia) Bhd (“Syarikat”) sesuatu perkara yang (a) dia tahu sebagai berkaitan kepada keputusan Syarikat sama ada untuk menerima atau tidak risiko dan kadar dan terma yang hendak dipakai; atau (b) seorang yang munasabah dalam hal keadaan itu boleh dijangka untuk tahu sebagai berkaitan. Kewajipan pendedahan ini oleh Pencadang hendaklah berterusan sehingga ke masa kontrak insurans itu dibuat, diubah atau diperbaharui.
- Anda mesti pastikan barang diinsuranskan mengikut Nilai Invois tambah 10% untuk import dan eksport dan Nilai Invois sahaja untuk perjalanan domestik.
- Sila maklumkan kami jika barang yang diinsuranskan adalah terpakai. Jika tidak, memang sudah difahamkan bahawa barang yang diinsuranskan itu adalah barang baru.
- Anda mesti maklumkan penanggung insurans jika barang adalah diangkut di atas dek kapal dan bukannya di dalam kontena. Jika tidak, memang sudah difahamkan bahawa barang adalah diangkut di bawah dek kapal.

## 7. Boleh saya membuat pembatalan polisi saya?

Anda boleh batalkan polisi ini dengan memberi notis bertulis kepada syarikat insurans dan mengesahkan dengan bukti bahawa penghantaran telah dibatalkan oleh pembeli/pembekal. Selepas pembatalan, anda layak mendapat pemulangan premium.

## 8. Apakah yang harus saya lakukan sekiranya terdapat perubahan dalam tarikh penghantaran, nama kapal, nilai invois?

Anda harus memaklumkan pihak kami tentang apa-apa perubahan supaya kami boleh membuat pindaan terhadap polisi anda melalui pengendorsan. Premium tambahan mungkin dikenakan jika jumlah diinsuranskan bertambah, begitu juga, pemulangan premium akan dibenarkan jika jumlah diinsuranskan berkurang.

## 9. Di manakah boleh saya dapatkan maklumat selanjutnya?

Jika anda memerlukan maklumat tambahan mengenai Insurans Kargo Marin, sila layari laman web kami [www.msig.com.my](http://www.msig.com.my) atau anda boleh menghubungi Ibu Pejabat kami, mana-mana cawangan kami atau penasihat insurans anda.

**MSIG Insurance (Malaysia) Bhd**  
Registration No. 197901002705 (46983 -W)

Pusat Khidmat Pelanggan  
Tingkat 15, Menara Hap Seng 2, Plaza Hap Seng  
No. 1, Jalan P. Ramlee  
50250 Kuala Lumpur  
Tel: (603) 2050 8228  
Faks: (603) 2026 8086

Talian Perkhidmatan Pelanggan:: 1800-88-MSIG (6744)  
Emel: [myMSIG@my.msig-asia.com](mailto:myMSIG@my.msig-asia.com)

### NOTA PENTING:

**ANDA HARUS MEMBACA DAN MEMAHAMI POLISI INSURANS DAN BERBINCANG DENGAN PENASIHAT INSURANS ANDA ATAU MENGHUBUNGI TERUS DENGAN SYARIKAT INSURANS UNTUK MAKLUMAT LANJUT.**

Maklumat yang disediakan di dalam Helaian Pendedahan Produk ini adalah sah pada 01 Jun 2024.